

Headline **Afrika Selatan uji vaksin Aids**  
Date **21 Jul 2009**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Global**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
ADValue **196**

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
PRValue

**Malay**  
**L-23**  
**49 cm<sup>2</sup>**  
**Black/white**  
**588**



## **Afrika Selatan uji vaksin Aids**

**CAPE TOWN** - Afrika Selatan menjalankan ujian klinikal pertama ke atas vaksin Aids yang dibangunkan sebuah universiti tempatan di negara itu.

Ujian berkenaan akan memastikan vaksin itu selamat untuk digunakan manusia dan ia melibatkan 36 petugas sukarela.

Ujian itu bermula di Amerika Syarikat (AS) pada awal tahun ini.

Presiden Majlis Penyelidikan Perubatan Afrika Selatan, Anthony Mbewu berkata, vaksin itu dibangunkan Universiti Cape Town dengan bantuan teknikal Institut Kesihatan Amerika Syarikat yang juga bertindak sebagai pengeluar vaksin itu nanti.

Afrika Selatan adalah antara negara yang mencatatkan jumlah pesakit Aids paling ramai dan pada tahun lalu lebih 5.2 juta rakyat negara itu dijangkiti penyakit ini.